

*Bangsa dan Bahasa*  




- 936 Buah nona di pekan sari,  
Ulam tepus juga dirasa;  
Melayu menghina bahasa sendiri,  
Alamat pupus bahasanya bangsa.
- 937 Padinya layu seluruh bendang,  
Keluh Pak Ali hampir merana;  
Mengapa Melayu mudah kecundang,  
Boleh dibeli oleh penghina?
- 938 Orangnya cantik dahinya sulah,  
Anak Melaka pulang ke desa;  
Melayu berpolitik pecah belah,  
Menunggu tika runtuhnya bangsa.
- 939 Belah kayu berbilah-bilah,  
Berderap-derap terpijak satu;  
Siasah Melayu berpecah-belah,  
Musuh mengharap terus begitu.
- 940 Hembusan bayu sangat dinginnya,  
Encik Sani di geladak feri;  
Dahulu Melayu santun bangsanya,  
Sayang kini berubah peri.
- 941 Guna kalam papan batu,  
Kini jarang diambil kisah;  
Melayu Islam sedia bersatu,  
Ada orang resah gelisah.
- 942 Bakar pari gulai yu,  
Sedapnya rasa habis setalam;  
Jati diri anak Melayu,  
Daulatkan bahasa taati Islam.

- 943      Gulai puyu santan kelapa,  
            Makan sepinggan dengan pajeri;  
Orang Melayu mudah lupa,  
            Masih enggan muhasabah diri.
- 944      Sungguh ayu puteri yang satu,  
            Bijak berjasa berbudi bahasa;  
Jika Melayu tidak bersatu,  
            Tunggulah masa lenyapnya bangsa.
- 945      Abang mencabut ubi kayu,  
            Petik lada daun kari;  
Malang menyambut bangsa Melayu,  
            Rumah ada diroboh sendiri.
- 946      Menyayur badik dengan kima,  
            Lemak pari sayur kelisa;  
Melayu terdidik tanpa agama,  
            Hinanya diri merosak bangsa.
- 947      Penuh sekampit buah beri,  
            Buah duku ubi talas;  
Melayu tersepit di bumi sendiri,  
            Akibat laku pemimpin tak ikhlas.
- 948      Udang kepai sahaja yang ada,  
            Budak-budak makan di lurah;  
Jangan sampai Melayu disenda,  
            Baru hendak melahir marah.

936 – 946: BANGSA, KL, DBP, Dewan Sastera, Jil 47, Bil 6 Jun, 2017, hlm 97